

30/07/2002

Agihan kerusi tidak patut dipertikai

GUA MUSANG, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempunyai cara terbaik dan adil berhubung pengagihan kerusi parti komponen Barisan Nasional (BN) bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Tengku Razaleigh Hamzah (gambar kiri), berkata keputusan itu terletak di tangan Pengerusi BN, tetapi setiap pengagihan itu pastinya mengikut peruntukan kerusi yang sudah ditetapkan.

Sehubungan itu, beliau meminta setiap keputusan pengagihan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen itu diterima dengan hati terbuka tanpa dipertikai mana-mana pihak.

Katanya, pelbagai kesulitan yang sukar diselesaikan hingga membawa kepada perkara tidak baik dalam persiapan menghadapi pilihan raya umum akan berlaku jika peruntukan kerusi itu dipertikaikan.

"Kita (Umno) meletakkan atas kebijaksanaan presiden parti (Dr Mahathir) untuk membuat pengagihan kerusi itu dan kita hanya menerima selepas senarai calon bertanding diumumkan," katanya kepada pemberita ketika ditemui di kediamannya, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas ingatan Perdana Menteri baru-baru ini supaya parti komponen BN menerima apa juga keputusan pengagihan kerusi DUN dan Parlimen dalam pada pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir dalam kenyataannya membuat rayuan awal mengenai perkara itu supaya apabila beliau membuat keputusan selaku Pengerusi BN semua pihak dapat menerimanya.

"Katalah ada tambahan kerusi mesti ada parti komponen BN yang tidak akan dapat semua apa yang mereka hendak. Tapi tak adalah yang tak dapat langsung," katanya.

Tengku Razaleigh yang juga Ahli Parlimen Gua Musang berkata, pertambahan kerusi akan berlaku termasuk di Kelantan apabila ada persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Bagaimanapun, beliau yakin Perdana Menteri akan membuat keputusan pengagihan kerusi bagi semua parti komponen BN dengan adil demi mencapai kemenangan.

"Kalau tidak menerima segala keputusan pengagihan kerusi itu, sudah tentu akan payah untuk diselesaikan kerana ada berlaku persempadanan semula kawasan pilihan raya nanti," katanya.

Ditanya mengenai penyokong kuat Pas yang bersedia menggunakan kekerasan untuk mendapat sokongan rakyat Kelantan dalam pilihan raya umum akan datang beliau berkata, sama-sama boleh berlaku secara kekerasan.